



Untuk Terbitan Media  
6 Mac 2026

## SIARAN MEDIA

### SABAH PACU TRANSFORMASI PASARAN BURUH 2026 MELALUI PENDEKATAN BERASASKAN DATA

**KOTA KINABALU:** Sektor pertanian, pembinaan dan pembuatan dikenal pasti sebagai penyumbang terbesar kepada pasaran buruh di Sabah, merangkumi lebih separuh daripada aktiviti ekonomi di negeri tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akhbar Khan berkata, statistik daripada portal MYFutureJobs menunjukkan sektor pertanian mendahului dengan 37.7 peratus, diikuti sektor pembinaan sebanyak 15.0 peratus dan pembuatan pada kadar 9.8 peratus.

Menurutnya, memandangkan sektor tersebut adalah kritikal bagi Sabah, fokus utama Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) kini adalah untuk memastikan tenaga kerja tempatan tidak hanya mengisi kekosongan, tetapi mempunyai kemahiran yang relevan dengan keperluan industri moden.

“KESUMA melalui PERKESO dan MYFutureJobs telah melaksanakan pendekatan padanan pekerjaan berasaskan data raya (big data). Secara keseluruhannya, pencapaian kumulatif penempatan pekerjaan MYFutureJobs dari tahun 2020 hingga 6 Februari 2026 di Negeri Sabah telah mencecah 77,589.

“Melalui analisis kekosongan jawatan, kita mengenal pasti sektor kritikal seperti Pertanian, Pembinaan dan Pembuatan, dengan 71.7 peratus tawaran gaji dalam julat RM1,500 hingga RM1,999.

“Ini memperlihatkan jurang kemahiran yang ketara serta keperluan segera untuk memperkukuh inisiatif *reskilling* dan *upskilling* tenaga kerja,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Bengkel Pelan Tindakan Pengukuhan Pasaran Buruh Negeri Sabah 2026 di Kota Kinabalu. Bengkel yang julung kali dianjurkan itu telah menghimpunkan Kerajaan Negeri, agensi Persekutuan, institusi latihan serta pihak industri untuk merangka secara bersama strategi tenaga kerja yang lebih dinamik, inklusif dan responsif terhadap keperluan semasa.

Tambah beliau, Pelan Tindakan yang dirangka dalam program berkenaan akan berpaksikan empat teras strategik utama iaitu penyelarasan TVET, menangani ketidakpadanan kemahiran melalui profil bakat, pemerkasaan pasaran buruh yang inklusif dan pengurangan kebergantungan kepada pekerja asing.

Jelasnya, bagi menyokong matlamat ini, kurikulum TVET akan dirangka bersama pihak industri bagi memastikan graduan benar-benar sedia kerja (*job-ready*) dan bukan sekadar memiliki sijil (*certificate-ready*).

Manakala program latihan semula (*reskilling*) akan dilaksanakan secara bersasar mengikut sektor pertumbuhan Sabah tumpuan turut diberikan kepada golongan wanita, belia, pekerja gig, komuniti luar bandar, dan OKU melalui peningkatan produktiviti serta penawaran gaji yang lebih kompetitif.

Penubuhan Sabah Talent Development Centre (STDC) turut menjadi agenda utama bengkel tersebut, dengan penyelarasan menyeluruh dan bersepadu antara semua agensi berkepentingan bagi memastikan pelaksanaan yang tersusun dan berimpak tinggi.

Pelan tindakan ini telah mula direalisasikan melalui Karnival Lindung Kerjaya MYFutureJobs @ Sandakan 2026 pada 7 Mac di Dewan Masyarakat Sandakan, melibatkan 16 majikan dengan lebih 350 kekosongan jawatan bergaji sehingga RM8,000–RM10,000, di samping memperluas mobiliti tenaga kerja Sabah melalui kerjasama strategik bagi membuka peluang pekerjaan di Semenanjung Malaysia pada 10 Mac yang melibatkan 30 majikan dengan hampir 1,500 kekosongan jawatan.

“Matlamat kita adalah jelas. Kita mahu rakyat Sabah bukan sekadar mempunyai pekerjaan, tetapi memperoleh gaji bermaruah, dan ini hanya dapat dicapai apabila produktiviti dan gaji bergerak seiring.

“Pengukuhan pasaran buruh Sabah memerlukan penyelarasan menyeluruh antara Kerajaan Negeri, agensi persekutuan, institusi pengajian, serta industri dan majikan sebagai rakan pelaksana utama,” ujarnya.

**##TAMAT##**

### **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**6 Mac 2026**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-3273193**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)